

0810

B 8826 DEB  
MAHATHIR - UMNO \*\*\*\*\*

KUALA LUMPUR, 22 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYATAKAN KHUATIRNYA YANG UMNO AKAN DITOLAK OLEH RAKYAT DALAM PILIHAN RAYA UMUM JIKA PERBUATAN MENCABAR PRESIDEN, MEMFITNAH DAN MEREKA-REKA KEBURUKAN PARTI MENJADI AMALAN SETIAP KALI PARTI ITU MENGHADAPI PEMILIHAN.

PERDANA MENTERI YANG JUGA PRESIDEN UMNO MENGINGATKAN MEREKA YANG INGIN MENANDINGI JAWATAN-JAWATAN TERTINGGI DALAM PARTI BAHAWA JIKA PERBUATAN ITU MENJADI AMALAN, AKHIRNYA UMNO AKAN +MENANG SORAK TETAPI KALAH SABUNG.+

+SAYA INGIN MEMINTA DENGAN CARA YANG BAIK JANGANLAH BUAT BEGITU DEMI KEPENTINGAN UMNO,+ KATANYA KETIKA BERUCAP MERASMIKAN SERENTAK MESYUARAT PERWAKILAN TUJUH BAHAGIAN UMNO WILAYAH PERSEKUTUAN DI DEWAN MERDEKA, KOMPLEKS UMNO DI SINI.

BELIAU BERKATA JIKA MEREKA YANG MENGGUNAKAN CARA ITU UNTUK BERKEMPEN MENANG, KEMENANGAN ITU TIDAK BERMAKNA LAGI KEPADA UMNO KERANA PARTI ITU TIDAK LAGI BERSATU PADU SERTA DIHORMATI OLEH RAKYAT.

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA UMNOLAH SATU-SATUNYA PARTI TEMPAT ORANG MELAYU BERGANTUNG DI NEGARA INI DAN PARTI ITU HARUS TERUS KUKUH BUKAN SAHAJA BAGI MEMPERJUANGKAN NASIB ORANG MELAYU SEKARANG TETAPI JUGA GENERASI AKAN DATANG.

-- LAGI.

1831MST 22 03 87

B 8827 DEB  
MAHATHIR - UMNO 2 KUALA LUMPUR \*\*\*\*\*

DATUK SERI DR MAHATHIR MENGHURAIKAN MENGAPA AMALAN KEMPEN MEMFITNAH DAN MENCABAR PUCUK PIMPINAN PARTI BOLEH MERUGIKAN PARTI ITU.

KATANYA MENGIKUT UNDANG-UNDANG NEGARA, PILIHAN RAYA UMUM MESTI DIADAKAN LIMA TAHUN SEKALI DAN MENGIKUT PERLEMBAGAAN PARTI PULA, PEMILIHAN UMNO SETIAP TIGA TAHUN SEKALI.

+JADI DALAM MASA LIMA TAHUN, BOLEH TERDAPAT EMPAT PEMILIHAN YANG SENGIT-SENGIT BELAKA (IAITU DUA KALI PILIHAN RAYA UMUM DAN DUA KALI PEMILIHAN UMNO).

+JIKA PEMILIHAN UMNO BERLANGSUNG SEBELUM PILIHAN RAYA, DENGAN SEGALA FITNAH DAN KEBURUKAN PARTI TERMASUK YANG SENGAJA DIADA-ADAKAN DIDEDAHKAN MAKA SUKARLAH KITA MEMENANGI PILIHAN RAYA UMUM,+ KATANYA.

PRESIDEN UMNO ITU YANG DIJANGKA DITANDINGI DALAM PEMILIHAN PARTI ITU APRIL INI, MENASIHATKAN PARA ANGGOTA PARTI ITU JANGAN MEMBIARKAN NAFSU MENGUASAI FIKIRAN SEHINGGA TIDAK DAPAT MEMBEDAKAN KEBENARAN DENGAN KEPALSUAN. -- LAGI.

1838MST 22 03 87

B 8828 DEB  
MAHATHIR - UMNO 3 KUALA LUMPUR RRRRRR

KATANYA PARA ANGGOTA PARTI ITU BOLEH MENYEMAK TUDUHAN-TUDUHAN DAN FITNAH YANG DILEMPARKAN TERHADAPNYA BERHUBUNG DENGAN EKONOMI NEGARA DAN KONONNYA BELIAU MEMPUYAI BEBERAPA BUAH RUMAH, UNTUK MENCARI KEPASTIAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENGINGATKAN ANGGOTA PARTI BAHAWA PEPATAH INGGERIS ADA MENYATAKAN BAHAWA +JANGAN TUKAR KUDA DI TENGAH SUNGAI+ KERANA ARUS SUNGAI YANG DERAS AKAN MENJEJASKAN USAHA MEMULIHKAN EKONOMI YANG SEDANG DIBUAT OLEH KERAJAAN TETAPI TUKARLAH KUDA APABILA SAMPAI MASANYA.

BELIAU MENGULANGI BAHAWA BELIAU MASIH BOLEH DAN SANGGUP BEKERJA DAN AKAN MENGUNDUR DIRI APABILA SUDAH SAMPAI MASANYA TETAPI MENAMBAH +JANGANLAH TOLAK SAYA.+

BELIAU BERKATA SOAL PERIBADI TIDAK TIMBUL DALAM PEMILIHAN UMNO KALI INI KERANA BELIAU BUKANLAH BERSIKAP DIKTATOR DAN BERTANYA KEPADA PARA HADIRIN ADAKAH MEREKA RELA PARTI ITU TERJEJAS GEMATA-MATA KERANA ADA ORANG YANG BERCITA-CITA BESAR MEMEGANG JAWATAN.

BELIAU MENASIHATKAN PARA ANGGOTA UMNO MENGANGGAP SETIAP DARIPADA MEREKA ADALAH ANGGOTA SEBUAH KELUARGA DAN BERJUANG BAGI KEPENTINGAN PARTI TANPA MEMENTINGKAN KEPENTINGAN DIRI. -- BERNAMA.

1840MST 22 03 87